

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ
(RAUB)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2014

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) berapakah kerugian yang ditanggung oleh pihak MAS sehingga kini;
dan

(b) apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk
menyelamatkan MAS memandangkan MAS ini ikon Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) mula mencatatkan kerugian pada tahun 1997 dengan kerugian selepas cukai sebanyak RM259.9 juta dan kerugian berkenaan terus meningkat kepada RM835.6 juta pada tahun 2001, kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia pada masa tersebut. MAS kembali mencatatkan keuntungan pada tahun 2002 hingga 2004 setelah melaksanakan penyusunan semula melalui *Widespread Assets Unbundling* (WAU). Walau bagaimanapun, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM1.25 bilion pada tahun 2005 dan RM133 juta pada tahun 2006 disebabkan kenaikan harga bahan api di pasaran dunia. Bagi memulihkan kedudukan kewangannya, MAS telah melaksanakan beberapa strategi dan program merangkumi Pelan Pemulihan Perniagaan (Business Turnaround Plan 1 – BTP1) pada Februari 2006 dan BTP2 pada Januari 2008. Susulan pelaksanaan strategi berkenaan, MAS berjaya mencatatkan keuntungan mulai tahun 2007 sehingga 2010.

MAS kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan

kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion disebabkan kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo dan juga peningkatan kos operasi merangkumi kos bahan api dan kos bukan bahan api seperti peruntukan pemulangan pesawat, peruntukan susut nilai pesawat kargo dan peruntukan stok usang. Melalui pelaksanaan langkah-langkah strategik di bawah pelan perniagaannya yang komprehensif, MAS telah berjaya memulihkan prestasi kewangan syarikat dengan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM431 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.52 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAS telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 10% kepada RM15.1 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun 2012 berikutan peningkatan jumlah trafik penumpang. Walau bagaimanapun, MAS masih mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.174 bilion. Kerugian ini disebabkan peningkatan kos bahan api, kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding US Dolar (*Forex Loss*) dan kos pemulangan pesawat.

Untuk tempoh suku pertama tahun 2014, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM443 juta berbanding kerugian RM279 juta pada suku

tahun pertama 2013. Lebihan kapasiti pasaran menyebabkan tekanan kepada struktur kadar tambang dan mengurangkan hasil syarikat.

Walaupun MAS telah mencatatkan kerugian pada tahun 2013 dan suku pertama tahun 2014, syarikat penerbangan nasional ini terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang. Berdasarkan Pelan Perniagaan syarikat, MAS terus memberi tumpuan kepada initiatif-initiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga yang kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain. Strategi ini telah berjaya meningkatkan faktor muatan penumpang dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan operasi syarikat.

Selain itu, jaringan perkhidmatan penerbangan MAS dikukuhkan lagi dengan penyertaannya dalam Oneworld Alliance mulai 1 Februari 2013. Melalui gabungan ini, MAS dijangka dapat meningkatkan jumlah penumpang menerusi trafik tambahan daripada ahli oneworld yang lain dan peluasan rangkaian hubungan yang ditawarkan ke lebih 800 destinasi di 150 negara berbanding rangkaian perkhidmatan MAS sedia ada hanya ke 60 destinasi. Penyertaan MAS dalam Oneworld Alliance telah menyumbang kepada peningkatan faktor muatan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membincangkan isu kerugian MAS dan telah memutuskan supaya Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) segera menjalankan kajian *due diligence* untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan opsyen-opsyen penyelesaian terbaik.

Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telahpun memulakan kajian berkaitan prestasi masa lampau dan prestasi

semasa syarikat penerbangan tersebut. Kajian ke atas MAS masih dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat sebaik sahaja ia dimuktamadkan bagi membolehkan hala tuju MAS ditentukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 10JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : 154

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian Kabinet terhadap kertas tindakan bersama Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pertahanan dan Wisma Putra berhubung misi pencarian pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 dan apakah susulan perancangan yang bakal diatur dalam misi pencarian pesawat hilang itu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Paya Besar, Kabinet telah mengambil maklum dan bersetuju dengan kertas tindakan bersama Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pertahanan dan Wisma Putra berhubung misi pencarian pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370. Dalam hubungan ini Kabinet telah mengambil maklum bahawa operasi mencari pesawat tersebut telah memasuki Fasa Transisi dengan memberi keutamaan kepada pencarian di bawah permukaan laut. Dalam hubungan ini, operasi mencari pesawat menggunakan kapal udara telah ditangguhkan sementara waktu.

Pada masa yang sama, sebuah pesawat *P3Orion* milik Australia ditempatkan di dalam keadaan bersiap sedia (*on-standby*) di Perth bagi membolehkan tindakan segera dilaksanakan sekiranya berlaku sebarang penemuan pesawat atau serpihan. Pada masa yang sama, beberapa buah kapal laut dari Malaysia, Australia dan RRC masih kekal ditempatkan di Perth.

Semasa Fasa Transisi ini, 3 aktiviti utama sedang dan akan dijalankan seperti berikut:

- (i) analisis semula data untuk menentu-sahkan kawasan pencarian yang lebih tepat. Analisis ini akan dijalankan oleh kumpulan pakar bersama-sama dengan INMARSAT;

- (ii) menjalankan *bathymetric survey* yang melibatkan kerja-kerja *mapping* dasar laut. Ini akan membolehkan pencarian menggunakan aset-aset AUV yang mempunyai keupayaan tertentu dapat dilancarkan dengan berkesan dan selamat; dan
- (iii) memperoleh perkhidmatan aset-aset terkini yang mempunyai keupayaan *side scan sonar* bagi mencerap keseluruhan kawasan pencarian laut dalam yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **10.06.2014**

Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat laporan penilaian risiko (*Risk Assessment Report*) terhadap program BRIM bagi tahun 2014 serta langkah-langkah yang diambil untuk memastikan tiada kebocoran di dalam pengagihan BRIM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia

(BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatkan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M).

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan pemberian BR1M diberikan kepada mereka yang benar-benar layak, proses verifikasi semula dibuat kepada semua permohonan BR1M termasuk permohonan penerima sediada. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan dari semasa ke semasa akan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan BR1M bagi memastikan bantuan

disalurkan kepada golongan yang layak sahaja. Hasil daripada verifikasi tersebut, pemohon akan dikategorikan mengikut jumlah pendapatan keluarga tersebut. Sekiranya pendapatan keluarga tersebut adalah berjumlah RM3,000 dan kebawah, penerima akan menerima bantuan BR1M sebanyak RM650 manakala sekiranya pendapatan keluarga adalah berjumlah RM3,001 hingga RM4,000, pemohon akan menerima bantuan sebanyak RM450.

Hasil daripada proses verifikasi juga mendapati kebanyakkan permohonan yang gagal adalah atas sebab utama iaitu pendapatan isi rumah melebihi syarat kelayakan, pasangan telah membuat permohonan baru (duplikasi permohonan) dan maklumat yang dikemukakan tidak lengkap.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, penerima BR1M 2.0 (2013) adalah seramai 6.8 juta penerima atau 88.1% daripada jumlah permohonan dengan peruntukan sebanyak RM2.9 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.8 juta penerima isi rumah dan 2 juta penerima bujang.

Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM411 juta yang melibatkan seramai 971 ribu atau 14.3% daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh Negara. Jumlah tersebut merangkumi 674 ribu atau 69.4% penerima isi rumah dan 297 ribu atau 30.6% penerima bujang. Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM348 juta yang melibatkan seramai 818 ribu penerima atau 12.04% daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 573 ribu atau 70% penerima isi rumah dan 245 ribu atau 30% penerima bujang. Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM302 juta yang melibatkan 692 ribu penerima atau 11.1 % daripada keseluruhan penerima BR1M 2013. Jumlah tersebut merangkumi 515 ribu atau 7.4% penerima isi rumah dan 177 ribu atau 25.6% penerima bujang.

Jumlah kelulusan bagi BR1M 2014 pula adalah seramai 6.8 juta penerima dengan peruntukan sebanyak RM3.6 bilion. Penerima yang berjaya

merangkumi 4.5 juta penerima isi rumah dan 2.3 juta penerima bujang. Jumlah ini dijangka meningkat memandangkan permohonan rayuan baru sahaja ditutup pada 31 Mei 2014 tempohari dan masih terdapat permohonan yang sedang diproses oleh LHDN. Dari segi penunaian pula, sehingga 31 Mei 2014, sebanyak 6.4 juta penerima atau 94% telah menunaikan BR1M.

Berdasarkan jumlah kelulusan, pengagihan mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM470 juta yang melibatkan seramai 925 ribu atau 13.8% daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh Negara. Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM413 juta yang melibatkan seramai 798 ribu penerima atau 11.91% daripada keseluruhan penerima. Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM350 juta yang melibatkan 652 ribu penerima atau 9.7 % daripada keseluruhan penerima BR1M 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, penerima BR1M bagi kategori isi rumah juga diberi perlindungan takaful i-BR1M dengan nilai perlindungan maksimum sehingga RM30,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh. Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Bagi tahun 2014, i-BR1M diuruskan oleh Persatuan Takaful Malaysia yang terdiri daripada 11 Syarikat Takaful. Sehingga 23 Mei, sebanyak 5,160 waris penerima yang telah menerima manfaat i-BR1M yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM16.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barang. Ia merupakan salah satu *policy response* yang telah diambil oleh Kerajaan semasa menangani isu kenaikan harga barang makanan global pada ketika ini. Bantuan ini telah dapat membantu

meringan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barang keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat berhubung pemberian BR1M dan hubung-kaitnya dengan kadar inflasi. Ia perlu difahami secara jelas. Inflasi keseluruhan di Malaysia diukur melalui perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mengukur perubahan kos pembelian bagi barang dan perkhidmatan yang lazim digunakan secara purata oleh isi rumah di Malaysia.

Jika dilihat pada pelaksanaan BR1M pada 2012 dan sehingga sekarang, ia tidak memberi kesan langsung kepada secara signifikan ke atas kadar inflasi. Berdasarkan penelitian yang dijalankan, kadar inflasi bagi bulan sebelum dan bulan selepas pemberian BR1M tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Seperti contoh, pemberian BR1M tahun 2014 bermula pada bulan Februari 2014. Kadar inflasi ketika itu mencatatkan 3.5%, manakala pada bulan Mac 2014, kadar inflasi masih kekal 3.5% dan

bulan April turun lagi kepada 3.4%.

Kerajaan sentiasa memantau perkembangan inflasi agar dapat menggubal dasar dan melaksanakan program-program yang bersesuaian bagi menangani kesan inflasi. Ini bagi mengelakkan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah serta mudah terjejas, dibebankan dengan kos hidup yang meningkat.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama maupun latar belakang politik. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekuahan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

Pada masa ini, Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat

1Malaysia (BR1M) bagi membantu meringankan beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan Program BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.

Selain itu, Kerajaan juga telah berbincang bersama pihak Jabatan Audit Negara mengenai langkah penambahbaikan program BR1M untuk memastikan tiada kebocoran di dalam pengagihan BR1M.